

**BUKU LAPORAN SANGKUTAN KE INDUSTRI
PENSYARAH POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**



OLEH

ADIEBAH BINTI AHMAD

770421025726

Buku laporan ini dikemukakan kepada Bahagian Latihan dan Kerjaya, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sebagai memenuhi sebahagian dari syarat penganugerahan Sijil Penyertaan Program Sangkutan ke Industri Pensyarah-pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

DISKRIPSI PENULIS

Adiebah Ahmad merupakan pensyarah di Jabatan Perdagangan yang telah menjalani Latihan Sangkutan Industri Pensyarah di Alor Setar Business Centre Sdn. Bhd., Alor Setar Kedah bagi tempoh 1 April 2008 hingga 29 Jun 2008. Syarikat ini merupakan sebuah syarikat yang mengendalikan perakaunan, pencukaian, pengauditan, kesetiausahaan dan pengurusan perniagaan dan merupakan antara yang 10 terbaik di utara, Malaysia.

Beliau merupakan graduan lepasan Kolej Universiti Tun Hussein Onn (kini Universiti Teknologi Tun Hussein Onn), Batu Pahat Johor dalam bidang Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional, Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Utara Malaysia dan Diploma Akauntansi, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS).

Beliau mempunyai pengalaman mengajar dalam bidang pencukaian Malaysia dan perakaunan awalan selama hampir enam tahun. Mula mengajar Diploma Akauntansi semester enam bagi subjek P5206 Pencukaian Malaysia 2 sejak tahun 2003 hingga kini. Selain itu pernah mengajar subjek P4206 Pencukaian Malaysia 1 selama dua tahun bagi Diploma Pengurusan Perniagaan dan mempunyai pengalaman mengajar kursus P1105 Perakaunan Awalan hampir empat tahun bagi Diploma Akauntansi, Sijil Pengajian Perniagaan dan Sijil Penyimpanan Kira semester 1.


Beliau pernah membuat kajian secara tinjauan bersama rakannya yang lain iaitu Noorul 'Ashikin Md Salih dan Hasnah Muhammad yang bertajuk "Pengurusan Kewangan Peribadi di Kalangan Pelajar Diploma Akauntansi" pada tahun 2008.

PENGHARGAAN

Pertama sekali kepada Pengarah Politeknik Seberang Perai, Tuan Haji Noor Azahan Othman, ucapan ribuan terima kasih kerana memberikan peluang yang tidak ternilai ini. Seterusnya kepada Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL), PSP sama ada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sokongan dan kerjasama anda tidak mungkin dilupakan.

Ucapan terima kasih juga kepada Puan Hajah Roslina Mohd Noor selaku Pengarah Urusan di Alor Setar Business Center Sdn. Bhd. kerana kesudian menerima saya untuk menjalani kursus Sangkutan Industri ini selama tiga bulan. Kesudian beliau membenarkan saya menimba ilmu dan mengutip pengalaman dalam bidang perakaunan dan pencukaian amat saya hargai. Tidak lupa juga kepada Ketua Unit Perakaunan iaitu Puan Azlina Md Zuki kerana member tunjuk ajar dan pengajaran yang tiada ternilai dan saya akan memanfaatkan sepanjang perkhidmatan di Politeknik Seberang Perai ini. Kepada Puan Rosmawarni Mat Hitam, kerana memberikan sepenuhnya pengetahuan dan pengalaman terutama dalam pencukaian syarikat. Di sini juga banyak perkara baru dan perkongsian ilmu dibuat di kalangan staf-staf di ASBC ini. Kepada mereka, kerjasama tidak mungkin di lupakan.

Kepada insan tersayang dan ahli keluarga lain ini adalah untuk anda semua.



Kalau ada sumur di ladang,
Boleh saya menumpang mandi,
Kalau ada umur panjang,
Boleh p sangkutan industri lagi.

Sekian, terima kasih.

Adiebah Binti Ahmad
Jabatan Perdagangan, PSP
April - Jun 2008

ISI KANDUNGAN

Bab	Judul Bab	Muka Surat
	Halaman Judul	
	Dedikasi	ii
	Diskripsi Penulis	iii
	Penghargaan	iv
	Isi Kandungan	v
	Senarai Gambar, Gambar rajah dan Rajah	vii
	Senarai Lampiran	x
	Abstrak	xi
1	Pengenalan kepada Program Sangkutan Pensyarah	
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Tujuan Program Sangkutan Industri Pensyarah	4
1.2	Latar Belakang Tempat Latihan Sangkutan Industri	5
1.2.1	Perkhidmatan Kesetiausahaan Syarikat	6
1.2.2	Perkhidmatan Pengurusan Dan Runding Cara	7
1.2.3	Perkhidmatan Perakaunan	7
1.2.4	Perkhidmatan Pencukaian	8
1.3	Carta Organisasi Alor Setar Business Centre Sdn. Bhd.	9
1.4	Ringkasan Kerja Program Sangkutan Industri Pensyarah Di Alor Setar Business Centre Sdn. Bhd.	10
1.5	Kesimpulan	12
2	Perakaunan dan Sistem Perakaunan Berkomputer (UBS)	
2.0	Pendahuluan	13
2.1	Sistem Perakaunan Berkomputer – UBS	14
2.2	Proses Mengenal Pasti	16
2.3	Proses Merekod Transaksi Menggunakan UBS	17
2.4	Proses Mengkelas	19
2.5	Proses Meringkas	22
2.6	Proses Mentafsir	23
2.7	Perakaunan Yang Dilaksanakan Di ASBC	24
2.7.1	Perniagaan 1 : Klinik Dr. Dieba	24
2.8	Kesimpulan	32
3	Pencukaian bagi Perniagaan Tunggal	
3.0	Pendahuluan	34
3.1	Pengiraan Pendapatan Berkanun Perniagaan Tunggal	35
3.2	Jadual Kadar Cukai Bagi Pemastautin	39
3.3	Pengiraan Cukai Pendapatan Di ASBC	39
3.3.1	Encik Ahmad : Peniaga Perkilangan	39

3.3.2	Pesona Indah Enterprise : Encik Lee Lim Kee	46
3.3.3	Klinik Kenari : Dr. Hafaif Bin Murad	51
3.4	Kesimpulan	54
4	PENCUKAIAN BAGI PERNIAGAAN PERKONGSIAN	
4.0	Pendahuluan	55
4.1	Pengiraan Pencukaian Perkongsian	56
4.1.1	Pengiraan Pendapatan Larasan Sementara	57
4.1.2	Pendapatan Boleh Bahagi	58
4.2	Penentuan Pendapatan Boleh Cukai Bagi Rakan Kongsi	
4.2.1	Pendapatan Dilaraskan (Rakan Kongsi)	61
4.2.2	Pembahagian Caj Imbangan, Elaun Imbangan Dan Elaun Modal	61
4.2.3	Pendapatan Berkanun Rakan Kongsi	62
4.2.4	Pendapatan Agregat, Jumlah Pendapatan, Pendapatan Boleh Cukai Rakan Kongsi	63
4.3	Pencukaian Bagi Perkongsian Di ASBC	64
4.3.1	Perkongsian 1 : ABA Collections	64
	Perkongsian 2 : DBA Enterprise	68
	Perkongsian 3 : Dieba Printing Enterprise	74
4.4	Borang P Dan B	80
4.4.1	Borang P	80
	Borang B	82
4.5	Kesimpulan	82
5	PENCUKAIAN BAGI SYARIKAT SENDIRIAN BERHAD	
5.0	Pendahuluan	84
5.1	Pengiraan Cukai Perlu Dibayar	86
5.2	Pengiraan Elaun Modal	89
5.3	Nota Kepada Pengiraan Cukai	93
5.4	Senarai Pengarah Dan Pemegang Saham	94
5.5	Pengiraan Cukai Di ASBC	94
5.5.1	Syarikat 1 : Dieba Café Sdn. Bhd.	94
5.6	Borang C Dan R	105
5.6.1	Borang C	105
5.6.2	Borang R	105
5.7	Kesimpulan	106
6	KESIMPULAN DAN CADANGAN	107
	BIBLIOGRAFI DAN RUJUKAN	112
	LAMPIRAN	114

**SENARAI GAMBAR,
GAMBARAJAH
& RAJAH**

SENARAI GAMBAR, GAMBAR RAJAH DAN RAJAH

No.	Rajah	Muka Surat
1.3.1	Gambar : Warga Kerja ASBC	8
1.3.2	Gambar rajah : Carta Organisasi ASBC Sdn. Bhd. (502608-X)	9
2.1.1	Rajah : Prinsip Perakaunan	15
2.3.1	Rajah : Paparan <i>Transaction File Maintenance</i>	18
2.4.1	Rajah : Pengelasan Akaun melalui UBS	20
2.4.2	Rajah : Paparan <i>General Ledger A/C Maintenance</i>	21
2.5.1	Rajah : Proses meringkas dalam perakaunan	22
2.5.2	Rajah : Paparan <i>Trial Balance</i>	23
2.7.1.1	Rajah : Imbangan Duga Bagi Klinik Dieba	29
2.7.1.2	Rajah : Penyata Perdagangan dan Untung Rugi Bagi Klinik Dieba	30
2.7.1.3	Rajah : Kunci Kira-kira Bagi Klinik Dieba	31
3.1.1	Rajah : Format pengiraan Pendapatan Berkanun Perniagaan	37
3.1.2	Rajah : Format Pengiraan Cukai Pendapatan Individu	38
3.2.1	Rajah : Kadar Cukai Pemastautin Bagi Tahun 2002-2007	39
3.3.1.1	Rajah : Penyata Perdagangan dan Untung Rugi Bagi Kilang Kopi AAR	40
3.3.1.2	Rajah : Penyata Perkilangan Bagi Kilang Kopi AAR	41
3.3.1.3	Rajah : Kunci Kira-kira Bagi Kilang Kopi AAR	42
3.3.1.4	Rajah : Pengiraan Cukai Pendapatan Bagi Encik Ahmad (Kilang Kopi AAR)	44
3.3.1.5	Rajah : Pengiraan Elaun Modal Bagi Encik Ahmad (Kilang Kopi AAR)	45

No.	Rajah	Muka Surat
3.3.2.1	Rajah : Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Bagi Pesona Indah Enterprise	47
3.3.2.2	Rajah : Kunci Kira-kira Bagi Pesona Indah Enterprise	48
3.3.2.3	Rajah : Pengiraan Cukai Pendapatan Encik Lee (Pesona Indah Enterprise)	50
3.3.2.4	Rajah : Pengiraan Elaun Modal Bagi Encik Lee (Pesona Indah Enterprise)	50
3.3.3.1	Rajah : Penyata Perdagangan dan Untung Rugi Bagi Klinik Kenari	51
3.3.3.1	Rajah : Kunci Kira-kira Bagi Klinik Kenari	52
3.3.3.3	Rajah : Pengiraan Cukai Pendapatan Bagi Dr. Hafaif (Klinik Kenari)	53
3.3.3.4	Rajah : Pengiraan Elaun Modal Bagi Dr. Hafaif (Klinik Kenari)	54
4.1.2.1	Rajah : Format Pengiraan Pendapatan Boleh Agih	60
4.2.2.1	Rajah : Kadar Elaun Modal	62
4.2.3.1	Rajah : Format Pengiraan Pendapatan Berkanun Rakan Kongsi	63
4.2.4.1	Rajah : Format Pendapatan Boleh Cukai	64
4.3.1.1	Rajah : Penyata Dagangan dan Untung Rugi bagi ABA Collections	65
4.3.1.2	Rajah : Kunci Kira-Kira bagi ABA Collections	66
4.3.1.3	Rajah : Pengiraan Pendapatan Berkanun bagi ABA Collections	67
4.3.1.4	Rajah : Pengiraan Elaun Modal Bagi ABA Collections	68
4.3.2.1	Rajah : Penyata Dagangan dan Untung Rugi Bagi DBA Enterprise	69
4.3.2.2	Rajah : Penyata Perkilangan Bagi DBA Enterprise	70
4.3.2.3	Rajah : Kunci Kira-kira Bagi DBA Enterprise	71

No.	Rajah	Muka Surat
4.3.2.4	Rajah : Pengiraan Pendapatan Berkanun Bagi DBA Enterprise	73
4.3.2.5	Rajah : Pengiraan Elaun Modal Bagi DBA Enterprise	74
4.3.3.1	Rajah : Penyata Dagangan dan Untung Rugi Bagi Dieba Printing Enterprise	75
4.3.3.2	Rajah : Kunci Kira-kira Bagi Dieba Printing Enterprise	76
4.3.3.3	Rajah : Pengiraan Pendapatan Berkanun Bagi Dieba Printing Enterprise	78
4.3.3.4	Rajah : Pengiraan Elaun Modal dan Jadual Sewa Beli Bagi Dieba Printing Enterprise	80
5.1.1	Rajah : Format Pengiraan Cukai oleh Syarikat Sendirian Berhad	88
5.2.1	Rajah : Kadar Elaun Modal Aset Tetap	89
5.2.2	Rajah : Pengiraan Elaun Modal Ditarik Balik (aset lupus kurang 2 tahun)	90
5.2.3	Rajah : Maklumat Sewa Beli	92
5.2.4	Rajah : Pengiraan Elaun Modal (Sewa Beli)	93
5.5.1.1	Rajah : Penyata Kewangan Bagi Syarikat Dieba Café Sdn. Bhd.	96
5.5.1.2	Rajah : Lembaran Imbangan Bagi Syarikat Dieba Café Sdn. Bhd.	97
5.5.1.3	Rajah : Pengiraan Cukai Bagi Dieba Café Sdn Bhd.	98
5.5.1.4	Rajah : Pengiraan Cukai Bagi Dieba Café Sdn. Bhd.	99
5.5.1.5	Rajah : Nota Pengiraan Cukai bagi Dieba Café Sdn. Bhd. (Sebahagian Sahaja)	100
5.5.1.6	Rajah : Jadual Pengiraan Elaun Modal bagi Dieba Café Sdn. Bhd. (sebahagian)	101
5.5.1.7	Rajah : Senarai Pengarah bagi Dieba Café Sdn. Bhd.	103
5.5.1.8	Rajah : Senarai Pemegang Saham Bagi Dieba Café Sdn. Bhd.	104

SENARAI LAMPIRAN

Tajuk		Muka Surat
Lampiran A	Borang P	114
Lampiran B	Borang B	115
Lampiran C	Borang C	116
Lampiran D	Borang R	117

ABSTRAK

Sangkutan Industri Pensyarah (SIP) dilaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran di kalangan pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti. Pengetahuan dan kemahiran ini akan diaplikasikan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di Alor Setar Business Centre Sdn. Bhd. pelbagai perkara berkaitan dengan perakaunan dan pencukaian diperolehi. Perakaunan melibatkan penyediaan akaun bagi perniagaan tunggal dan perkongsian. Proses menyediakan penyata kewangan ini menggunakan Sistem Perakaunan Berkomputer iaitu *UBS Accounting System*. Manakala pengiraan cukai melibatkan individu perniagaan (perniagaan tunggal dan perkongsian) dan syarikat sendirian berhad. Pelbagai jenis perniagaan yang ditemui yang memberikan kepelbagaian transaksi dan situasi. Antaranya perkilangan, pembinaan, insurans, perkhidmatan klinik dan keselamatan dan sebagainya. Penyediaan Borang B, BE, C dan R melengkapkan sesi SIP ini.

BAB 1

Pengenalan kepada Sangkutan

Industri Pensyarah

1.0 PENDAHULUAN

Program Sangkutan ke Industri Pensyarah-pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti (SIP) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) telah dilaksanakan semenjak tahun 1999 lagi. Ia dilaksanakan atas dorongan dapatan kajian oleh IDP Education Australia dan NCVER yang menghuraikan kekurangan pengalaman industri di kalangan tenaga pengajar Politeknik dan Kolej Komuniti merupakan salah satu

punca kepada kurangnya kualiti di kalangan graduan terbitan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Perkara ini memang tidak boleh disangkalkan lagi kerana kebanyakan daripada tenaga pendidik Politeknik dan Kolej Komuniti adalah merupakan graduan segar atau dengan kata lain graduan yang mentah dan belum pernah menjalani atau bekerja di luar sebelum menjadi pensyarah. Dengan itu, atas usaha Bahagian Latihan dan Kerjaya (BLK), KPTM, program SIP telah dilaksanakan pada 1 September 1999 untuk memberikan peluang kepada pensyarah mendalami dan memanjangkan pengetahuan mereka dalam bidang industri.

Pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti diberikan masa selama tiga bulan untuk mengutip pengalaman di industri pilihan mengikut pengkhususan pensyarah tersebut. Mempunyai dua sesi iaitu April hingga Jun dan Julai hingga September. Dalam masa tiga bulan ini perlu digunakan dengan sepenuhnya oleh pensyarah dalam memaksimumkan pengalaman demi meningkatkan kualiti dan integriti para graduan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Pendedahan ini merupakan satu nilai tambah kepada pensyarah dalam melihat kepada keperluan pekerjaan kini dengan kurikulum yang diajar di Politeknik dan Kolej Komuniti. Kesesuaian kurikulum kini perlu diselaraskan dengan keperluan dunia pekerjaan sebenar agar pelajar tidak ketinggalan dan mampu memberikan perkhidmatan yang baik dan berkualiti tinggi. Selain daripada memahami teori, pensyarah juga perlu

meningkatkan pengetahuan melalui praktis. Adalah amat berguna dan bermanfaat sekali program SIP ini kepada semua pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti.

Sebagai melayakkan diri untuk menjalani program SIP ini, pensyarah tersebut perlu disahkan dalam jawatan terlebih dahulu, tiada masalah kesihatan semasa memohon dan keutamaan kepada yang belum pernah menjalani program SIP ini. Namun sekiranya pensyarah masih berminat, mereka hendaklah memohon selepas setahun menjalani program SIP atau yang berkaitan. Kepada pensyarah yang sedang menjalani program Ijazah Lanjutan sama PhD atau sarjana tidak layak memohon.

Pemilihan tempat pula perlulah memilih syarikat yang berdaftar dengan Pendaftar Syarikat iaitu Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), keutamaan kepada syarikat bertaraf multinasional, syarikat yang mampu memberikan nilai tambah kepada perkembangan pengajaran dan pembelajaran dan kurikulum Politeknik dan Kolej Komuniti. Syarikat yang dipilih juga perlu memberi peluang kepada pensyarah untuk turut serta dalam projek atau aktiviti yang dilaksanakan. Dalam usaha memastikan program SIP ini memenuhi objektifnya, syarikat yang dipilih juga perlu mempunyai program latihan berstruktur (*structured training programme*).

Antara syarat lain adalah pensyarah hendaklah mematuhi peraturan syarikat seperti Akta Rahsia Syarikat, sentiasa menjaga imej Politeknik dan Kolej Komuniti dan syarikat, menepati masa kerja dan memberikan sepenuh perhatian kepada latihan. Pensyarah juga turut dibekalkan dengan buku Laporan Harian Latihan Sangkutan Industri untuk mencatat segala aktiviti yang dilibatkan sepanjang tempoh tiga bulan tersebut.

Selain itu, pemantauan oleh pegawai dari Bahagian Latihan dan Kerjaya (BLK) turut dijalankan dalam usaha memastikan pensyarah mengikuti segala aktiviti yang dirancang oleh syarikat pilihan berjalan seperti yang ditetapkan.

1.1 TUJUAN PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI PENSYARAH

Antara tujuan atau objektif Program SIP ini adalah :

- a) Memastikan pengalaman latihan untuk pensyarah di industri dapat membantu ke arah perkembangan pengajaran dan pembelajaran serta memurnikan lagi kurikulum Politeknik dan Kolej Komuniti.
- b) Memastikan program latihan serta ilmu yang diperolehi dapat diterapkan kepada pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran.
- c) Memastikan pengalaman di industri melayakkan pensyarah sebagai ahli profesional dalam bidang masing-masing seperti MIA, MATA dan sebagainya.
- d) Memastikan pensyarah membuat program perkongsian ilmu menerusi seminar atau kursus kepada rakan pensyarah lain.
- e) Memastikan pensyarah menyumbang penulisan ilmiah berbentuk artikel kepada Jurnal Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti tentang teknologi terkini, idea-idea baru dan penyelidikan yang dibuat supaya dapat dikongsi dengan warga pendidikan lain.

- f) Menerusi program latihan ini juga dapat membantu pensyarah-pensyarah yang berminat untuk mencapai pengiktirafan profesional serta menjadikan Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia sebagai institusi pengajian yang cemerlang dengan pensyarah yang berkaliber dan berdaya saing.
- g) Menerusi program latihan ini, selain meningkatkan pengetahuan dan kemahiran juga dapat mengeratkan lagi kerjasama di antara Politeknik dan Kolej Komuniti dengan industri-industri berkaitan dengan memperoleh maklumat terkini dan perkembangan teknologi yang pesat dan terkini.
- h) Menghasilkan tenaga pengajar yang berkaliber, berilmu dan berpengetahuan tinggi sebagai usaha melahirkan graduan yang lebih profesional dan berdaya saing dalam semua aspek.

1.2 LATAR BELAKANG TEMPAT LATIHAN SANGKUTAN INDUSTRI

Syarikat Alor Setar Business Centre Sdn. Bhd. (ASBC) telah diperbadankan pada 2 Januari 2000 lagi. Sebelum ia diperbadankan ia dikenali sebagai Bina Management yang didaftar pada 15 Januari 1989 lagi merupakan pemilikan tunggal. Penubuhan syarikat ini adalah lanjutan dari Program Skim Latihan Khas untuk graduan Pusat Pengajian Tinggi di mana tujuan utama program ini melahirkan usahawan-usahawan baru dalam bidang perkhidmatan profesional.

Objektif utama penubuhan syarikat ini adalah untuk membantu semua usahawan dalam aspek pengurusan perniagaan dengan menyediakan perkhidmatan yang efisien dan

profesional. Kini pemilik syarikat ini iaitu Puan Hajah Roslina Mohd Nor mampu tersenyum dengan mempunyai lebih 2000 buah syarikat terhad dan perniagaan tunggal serta perkongsian sebagai pelanggannya. Penyediaan perkhidmatan meliputi seluruh Malaysia khususnya di utara Malaysia iaitu Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Syarikat ini merupakan milikan penuh anak bumi Malaysia kini berbangga dengan mempunyai rangkaian warga kerja yang bertauliah dan profesional.

Kedudukannya yang strategik di Bandar raya Alor Setar bersebelahan dengan Wisma PKNK mampu memberikan kelebihan dan pelanggan mudah untuk membuat urusan di sini. Antara aktiviti utama syarikat ini adalah pengurusan perniagaan, perkhidmatan kesetiausahaan, perunding perniagaan, agen pencukaian berlesen dan menyediakan perkhidmatan membuat perakaunan dan pengauditan.

1.2.1 Perkhidmatan Kesetiausahaan Syarikat

Perkhidmatan ini bertujuan untuk membantu pelanggan mematuhi tanggungjawab statutori dan objektif perniagaan. Perkhidmatan ini adalah berdasarkan kepada Akta Syarikat 1965 dan pindaan-pindaannya. Syarikat ASBC bukan sahaja menjadi perunding kesetiausahaan tetapi juga menjadi orang tengah antara pelanggan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) malah merupakan penasihat profesional kepada pelanggan. Syarikat ini mempunyai dua orang Setiausaha Syarikat Berlesen dengan bantuan lima orang pembantu setiausaha. Perkhidmatan kesetiausahaan termasuklah pemerbadanan syarikat dan khidmat kesetiausahaan.

1.2.2 Perkhidmatan Pengurusan Dan Runding Cara

Pekhidmatan ini meliputi semua aspek pengurusan yang dalam usaha menyelesaikan masalah pengurusan dan perniagaan yang dihadapi oleh pelanggan. Perkhidmatan runding cara meliputi :

- a) Khidmat nasihat
- b) Runding cara Kewangan (termasuk penstrukturan semula, unjuran kewangan, penilaian kewangan dan sebagainya)
- c) Penyediaan kertas kerja (termasuk penyelidikan 'feasibility studies', penyelidikan pasaran, strategi pemasaran dan analisis kewangan)
- d) Pendaftaran dengan agensi-agensi seperti Kementerian Kewangan, Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Lembaga Pembangunan Industri Malaysia (CIDB), Kementerian Perlancongan Malaysia dan sebagainya.

1.2.3 Perkhidmatan Perakaunan

Perkhidmatan ini merangkumi khidmat nasihat perakaunan dan penyediaan perakaunan bulanan atau tahunan untuk tujuan audit dan lain-lain. Penyediaan perakaunan kepada pelanggan menggunakan sistem perakaunan berkomputer iaitu UBS. Perkhidmatan lain adalah pengauditan turut dibuat di sini.


1.2.4 Perkhidmatan Pencukaian

Perkhidmatan ini merangkumi khidmat nasihat pencukaian dan penyediaan penyata pencukaian untuk serahan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Syarikat ini mempunyai empat orang perunding cukai berlesen dalam menjalankan perkhidmatan tersebut. Antara lain, perkhidmatan pencukaian yang ditawarkan adalah penyediaan borang cukai seperti Borang B, BE, C & R, P dan sebagainya. Pelanggan turut disediakan perkhidmatan membuat perancangan cukai dalam usaha membuat pengurangan cukai secara sah.

1.3 CARTA ORGANISASI ALOR SETAR BUSINESS CENTRE SDN. BHD.



Gambar 1.3.1 : Warga Kerja ASBC



Gambar rajah 1.3.2 : Carta Organisasi ASBC Sdn. Bhd. (502608-X)

**1.4 RINGKASAN KERJA PROGRAM SANGKUTAN INDUSTRI PENSYARAH
DI ALOR SETAR BUSINESS CENTRE SDN. BHD.**

TARIKH	AKTIVITI-AKTIVITI
1 – 30 April 2008	▪ Penerangan ringkas tentang prosedur kerja yang melibatkan unit perakaunan dan pencukaian. ▪ Menyediakan penyata kewangan dengan menggunakan UBS bagi Perniagaan Tunggal dan Perkongsian. ▪ Menyediakan Perakaunan untuk Perniagaan 1 : Pembinaan ▪ Menyediakan perakaunan untuk Perniagaan 2 : Pembinaan ▪ Menyediakan perakaunan untuk Perniagaan 3 : Perkhidmatan Mencuci. ▪ Menyediakan perakaunan untuk Perniagaan 4 : Pembinaan Paip ▪ Menyediakan perakaunan untuk Perniagaan 5 : Insurans dan Perkhidmatan Mencuci ▪ Menyediakan Perakaunan untuk Perniagaan 6 : Perkhidmatan Klinik 1 ▪ Menyediakan Perakaunan untuk Perniagaan 7 : Perkhidmatan Klinik 2 ▪ Menyediakan Perakaunan untuk Perniagaan 8 : Pembinaan dan Menjual Tanah Merah ▪ Penyediaan akaun melibatkan jurnal dan lejar. Transaksi yang dimasukkan seperti jualan, belian, kos barang dijual, belanja, hasil, aset tetap, aset semasa, liabiliti semasa dan jangka panjang,

1 – 31 Mei 2008	ekuiti pemilik dan ambilan. ▪ Mencetak lejar, imbalan duga dan Kunci Kira-kira untuk penyemakan. ▪ Menyediakan Pengiraan Pencukaian bagi tahun taksiran 2007 bagi semua akaun yang disediakan. ▪ Menyediakan pengiraan cukai untuk Syarikat Sendirian Berhad. Rujukan adalah kepada akaun yang telah diaudit. ▪ Mengira Elaun Modal – rujukan kepada aset tetap perniagaan sama ada sedia ada, belian baru dan jual/lupus. ▪ Membuat nota kepada belanja yang dibenarkan dan tidak dibenarkan merujuk kepada akaun atau lejar yang disediakan oleh juru akaun. ▪ Memasukkan senarai pengarah terkini (rujukan kepada Borang 49) – fail sekretari ▪ Memasukkan senarai pemegang saham (rujukan kepada Borang 24 dan 32 A)—fail sekretari ▪ Menyediakan Borang C dan R – boleh diperolehi daripada laman web LHDN atau dihantar kepada pelanggan. ▪ Penyediaan cukai melibatkan 19 buah Syarikat Sdn. Bhd. dan pengisian borang C dan R melibatkan 18 buah Syarikat Sdn. Bhd. ▪ Menyediakan pengiraan cukai bagi syarikat jenis pembinaan, perkhidmatan konsultan perubatan, perkhidmatan keselamatan dan sebagainya.
-------------------------------	--

1 – 29 Jun 2008	▪ Menyediakan pengiraan cukai untuk pemilikan tunggal dan perkongsian. ▪ Menyediakan Borang B, BE dan P kepada lebih 25 buah perniagaan tunggal dan perkongsian. ▪ Membuat rundingan pencukaian.
------------------------	--

1.5 KESIMPULAN

Program Sangkutan Industri Pensyarah yang ditempooh benar-benar memberikan manfaat kepada pensyarah. Di Alor Setar Business Centre yang mempunyai empat unit utama membantu pensyarah dalam memahami selok belok penyediaan perakaunan yang lengkap, membuat rundingan dan bertukar ilmu berkaitan dengan pencukaian dan perakaunan, malah pensyarah juga menjadi sumber rujukan bagi pekerja dan pelatih daripada politeknik dan Universiti Utara Malaysia yang sama menjalani praktikum. Kesempatan ini tidak disia-siakan untuk mengumpul maklumat berkaitan jenis perniagaan dan apakah jenis transaksi yang dibuat oleh setiap perniagaan yang menjadi pelanggan di sini untuk membentuk set soalan dan jawapan yang bermutu dan realistik kepada pelajar Politeknik nanti.